LAMPIRAN A

IKLAN KEKOSONGAN
JAWATAN KADER BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN DI KEMENTERIAN/ AGENSI LUAR DARI KEMENTERIAN PENDIKAN MALAYSIA

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan ini mempelawa Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan bagi jawatan kader di bawah pentadbiran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Perdana Menteri seperti berikut:

BIL.	LOKASI	JAWATAN / OPSYEN	KEKOSONGAN
1.	**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Putrajaya**	Penolong Pengarah Bahagian Dasar Kemajuan Islam Pendidikan Islam DG9/10/12/13/14	1
2.	Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak, Kuching, Sarawak	Penolong Pengarah Bahasa Arab/Bahasa Inggeris DG9/10/12/13/14	1
3.	Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah, Keningau, Sabah	Penolong Pengarah Bahasa Inggeris DG9/10/12/13/14	1
4.	Darul Quran, Kuala Kubu Baru, Selangor	Guru Bahasa Inggeris Bahasa Inggeris DG9/10/12/13/14	1
		Bahasa Arab DG9/10/12/13/14	1

1. Syarat Umum

(i) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG9/10/12/13/14 yang sedang berkhidmat di Kementerian Pendidikan Malaysia.
(ii) Mempunyai ikhtisas/ kelulusan dalam opsyen seperti di **Lampiran A**.
(iii) Telah disahkan dalam perkhidmatan.
(iv) Telah mengajar sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.
(v) Tahap kesihatan yang baik dan memuaskan.
(vi) Memperoleh sekurang-kurangnya 85% dalam penilaian prestasi bagi tigatahun terkini (2021-2023).
(vii) Bebas daripada tindakan tatatertib atau tindakan mahkamah.
(viii) Permohonan mestilah disokong oleh Ketua Jabatan masing-masing.
(ix) Bersedia berkhidmat di jawatan kader **sekurang-kurangnya untuk tempoh tiga (3) tahun.**
(x) Mempunyai minat dan kewibawaan yang tinggi untuk berkhidmat di Kementerian/ Agensi luar dari KPM.

2. Kaedah Permohonan

(i) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Masuk Jawatan Kader seperti di **Lampiran B**.
(ii) Permohonan mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing.
(iii) Borang permohonan hendaklah lengkap diisi beserta sekeping gambar berukuran pasport dan dihantar dalam bentuk PDF melalui emel kepada atylia.anuar@moe.gov.my / norazura.ibrahim@moe.gov.my.
(iv) Permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan atau tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatantidak akan dipertimbangkan.

3. Pertanyaan

Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan jawatan ini sila hubungi **Unit Guru, Cawangan Perkhidmatan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia di talian 03-8884 7792.**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Januari 2025